

**TERMA DAN SYARAT**  
**BAYAR KONSISTEN, HATI SENANG 3.0**

**KEMPEN**

1. Kempen **Bayar Konsisten, Hati Senang 3.0** merupakan kempen anjuran PTPTN yang bertujuan untuk menggalakkan peminjam PTPTN melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten, mudah dan selamat melalui saluran potongan gaji dan debit terus (*direct debit*).
2. Peminjam PTPTN yang membuat bayaran secara konsisten sama ada melalui salah satu ataupun kedua-dua saluran ini di dalam tempoh kempen berpeluang untuk mendapat cabutan serta tawaran hadiah yang **menarik dengan jumlah keseluruhan bernilai RM50,000 untuk dimenangi oleh 90 orang pemenang**.

**TEMPOH KEMPEN**

3. **Tempoh kempen bermula 1 Jun 2026 sehingga 31 Oktober 2026.**
4. **Tempoh permohonan potongan gaji atau debit terus (*direct debit*) bermula 1 Jun 2026 sehingga 31 Ogos 2026.**
5. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk mengubah, menukar atau meminda tempoh Kempen ini sekiranya perlu, dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan di laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

**KELAYAKAN UMUM**

6. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN, sama ada peminjam konvensional ataupun ujah.
7. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

**KELAYAKAN BILANGAN CABUTAN**

8. Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

Bil.	Kategori	Perkara	Pengguna Baharu	Pengguna Sedia Ada
i.	Potongan Gaji	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang <b>memohon potongan gaji</b> dalam <b>tempoh permohonan</b> .	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>potongan gaji</b> dalam <b>tempoh kempen</b> .
		Kelayakan Cabutan	<p>i. Pelanggan baharu hendaklah membuat <b>permohonan potongan gaji</b> di dalam tempoh <b>1 Jun 2026 sehingga 31 Ogos 2026</b>. <b>Satu (1)</b> cabutan akan diberikan kepada permohonan dan transaksi yang berjaya <b>dalam tempoh kempen</b>; dan</p> <p>ii. <b>Satu (1)</b> cabutan bagi <b>setiap transaksi</b> potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan <b>tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen</b>.</p>	<b>Satu (1)</b> cabutan bagi <b>setiap transaksi</b> potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan <b>tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen</b> .
ii.	Debit Terus ( <i>Direct Debit</i> )	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang <b>memohon debit terus (<i>direct debit</i>)</b> melalui <i>e-mandate</i> dalam <b>tempoh permohonan</b> .	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>debit terus (<i>direct debit</i>)</b> dalam <b>tempoh kempen</b> .

		Kelayakan Cabutan	<p>i. Pelanggan baharu hendaklah membuat <b>permohonan debit terus (direct debit)</b> melalui <i>e-mandate</i> di dalam tempoh <b>1 Jun 2026 sehingga 31 Ogos 2026</b>. <b>Satu (1)</b> cabutan akan diberikan kepada permohonan dan transaksi yang berjaya <b>dalam tempoh kempen</b>; dan</p> <p>ii. <b>Satu (1)</b> cabutan bagi <b>setiap transaksi</b> debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan <b>tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen</b>.</p>	<p><b>Satu (1)</b> cabutan bagi <b>setiap transaksi</b> debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan <b>tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen</b>.</p>
--	--	-------------------	---	---

9. Peminjam perlu memastikan bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji atau debit terus (*direct debit*) **kekal aktif sehingga tarikh cabutan**, kecuali bagi pinjaman yang telah dibuat penyelesaian penuh.
10. Sekiranya berlaku kematian peminjam PTPTN dalam tempoh kempen, akaun pinjaman tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

### **HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH**

11. Peminjam PTPTN yang layak akan berpeluang memenangi hadiah berikut:

#### **Kategori 1: Potongan Gaji**

<b>Pemenang</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Bilangan Pemenang</b>
Utama	RM1,000	5 Pemenang
Saguhati	RM500	40 Pemenang

#### **Kategori 1: Debit Terus (*Direct Debit*)**

<b>Pemenang</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Bilangan Pemenang</b>
Utama	RM1,000	5 Pemenang
Saguhati	RM500	40 Pemenang

12. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ hebahan di laman web rasmi PTPTN atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
13. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi **akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang** sebagai bayaran balik pinjaman dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang.
14. **Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi**, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun **Simpan SSPN Prime** pemenang yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada peminjam di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.
15. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia sebelum atau semasa tempoh pengkreditan hadiah dilaksanakan, ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman milik pemenang, tanpa mengambil kira status akaun tersebut. Urusan tuntutan atau pengeluaran wang ganjaran tersebut oleh waris adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada yang ditetapkan oleh PTPTN.
16. Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi oleh peminjam **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan taksiran cukai. Pelepasan taksiran cukai yang boleh dituntut adalah mengikut dasar pelepasan taksiran cukai semasa yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
17. Pemenang hendaklah menanggung semua kos berkaitan tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
18. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada apa-apa bentuk lain, kecuali yang ditetapkan oleh PTPTN.
18. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat disediakan atau diperolehi atas apa jua sebab, PTPTN berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat (14) belas hari kepada peminjam yang layak. Kaedah pemberitahuan ini boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan PTPTN.
19. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
20. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
21. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.

22. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan dan situasi.

## **PERUNTUKAN UMUM**

23. Untuk menyertai Kempen ini, peminjam mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh PTPTN, peminjam tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan Kempen ini.
24. Penyertaan peminjam di dalam Kempen ini adalah atas risiko peminjam sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan yang timbul akibat penyertaan tersebut.
25. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN, atau melalui apa-apa kaedah lain yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi apa-apa pernyataan yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengan Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
26. Peminjam adalah dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini.
27. PTPTN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau tersalah arah, sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau apa-apa sebab lain.
28. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis sekiranya didapati peminjam tidak layak atau tidak mengikut Terma dan Syarat yang telah ditetapkan.

29. Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
30. Sekiranya terdapat percanggahan Terma dan Syarat Kempen ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak PTPTN.
31. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam, termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi, serta nama peminjam, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia, tanpa sebarang pampasan, dan dalam mana-mana media. Peminjam hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
32. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir peminjam mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada peminjam.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
**Bayar Konsisten, Hati Senang 3.0***

*Maklumat dikemaskini pada 26 Mei 2026*